

# Peluk Islam, dekatkan diri kepada Allah

Oleh : Marlinawaty Hussin  
 Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**GADONG**, Ahad, 21 Februari. - Seorang wanita, berbangsa Filipina, memilih agama Islam sebagai pegangan hidup dengan melafazkan dua kalimah syahadah

pada Majlis Pengislaman, yang diadakan di kediaman Awang Haji Mazlan bin Haji Abdul Salim, di Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, di sini.

## Beri kefahaman mengenai ilmu Takhrij Al-Hadith

Siaran Akhbar dan Infografik :  
 Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 20 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Usuluddin dengan kerjasama Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat akan menawarkan Kursus Intensif Ilmu Hadith Siri Pertama kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan atau bukan kerajaan, para belia serta orang ramai yang berminat.

Adapun tujuan Kursus Intensif Ilmu Hadith Siri Pertama ini diadakan adalah khusus untuk memberikan kefahaman kepada orang ramai mengenai ilmu Takhrij Al-Hadith dan kepentingannya, kefahaman dalam menggunakan cara-cara teknik khusus untuk mengeluarkan Hadis melalui sumbernya yang asli serta memahami penggunaan sumber-sumber rujukan dan metodologi penulisannya.

Kursus Ilmu Hadith Siri Pertama ini juga memfokuskan kepada kaedah mengeluarkan Hadis berdasarkan perkataan-perkataan ganjil (gharib) atau lafadz penting yang terdapat dalam matan Hadis. Bengkel akan diadakan pada Sabtu, 13 Mac 2021 bertempat di Bilik Latihan L1.3, UNISSA bermula jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang.

Orang ramai yang ingin mendaftar bagi program ini bolehlah melayari link berikut, [https://bit.ly/KIIH\\_2021](https://bit.ly/KIIH_2021) atau dengan mengimbas Kod QR yang disediakan. Tarikh akhir pendaftaran adalah pada Sabtu, 27 Februari 2021, jam 4.30 petang.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA menerusi talian +673 2462000 sambungan 204 / 202 ataupun melayari laman sesawang [www.unissa.edu.bn](http://www.unissa.edu.bn) atau menghantar e-mel ke [C4L@unissa.edu.bn](mailto:C4L@unissa.edu.bn).



Dayang Lea Mae Siga-An Sangrones, 25 tahun, memilih nama Islamnya sebagai Nur Leani Sangrones binti Abdullah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan lafadz pengislaman daripada Dayang Nur Leani Sangrones, di hadapan pegawai dari Bahagian Pengembangan Dakwah (Pengislaman), PDI.

Seterusnya, tetamu kehormat majlis menyampaikan cenderahati kepada saudara baharu berkenaan. Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai.

Ketika ditemui, Dayang Nur Leani Sangrones berkata, beliau memeluk agama Islam kerana mahu mendekatkan diri kepada



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh semasa hadir pada Majlis Pengislaman Dayang Lea Mae Siga-An Sangrones, 25 tahun, berbangsa Filipina, berlangsung di Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Gadong.

Allah Subhanahu Wata'ala dan menjadi insan yang lebih baik.

Beliau yang telah berada di negara ini selama tiga tahun dan bekerja di sebuah kedai tekstil, berhasrat untuk mempelajari agama Islam dengan lebih mendalam dan meningkatkan lagi

pengetahuannya mengenai kewajipan sebagai seorang Muslim, terutama dalam menuaikan sembahyang.

Mengikut statistik, seramai 436 orang memeluk Islam, di Negara Brunei Darussalam, pada tahun 2020, manakala seramai 46 orang didaftarkan memeluk agama Islam sejak awal tahun 2021.



DAYANG Lea Mae Siga-An Sangrones semasa melafazkan dua kalimah syahadah dan kini dikenali dengan nama Islam beliau Dayang Nur Leani Sangrones binti Abdullah.

## Penghargaan buat rakan media



NAIB Yang Dipertua II, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Haji Awang Damit bin Haji Chuchu bergambar ramai pada Majlis Malam Penghargaan Rakan Media, di Restoran V Plaza, Kuala Belait, yang diadakan oleh Persatuan Pengakap Daerah Belait.

Berita dan Foto :  
 Noraisah Haji Muhammed

**KUALA BELAIT**, Sabtu, 20 Februari. - Media merupakan nadi utama dalam membarigakan maklumat yang terkini dan tepat serta menyampaikan informasi yang sahih mengenai pergerakan pengakap di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Persatuan Pengakap Daerah Belait mengadakan Majlis Malam Penghargaan Rakan Media yang berlangsung di Restoran V Plaza,

Kuala Belait, di sini.

Naib Yang Dipertua II, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Haji Awang Damit bin Haji Chuchu hadir pada majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada rakan media, antaranya Radio Televisyen Brunei (RTB), Pelita Brunei, Brunei Press Sdn. Bhd., See Hua Daily News Brunei, Sin Chew Daily dan United Daily News.

Majlis tersebut adalah sebagai tanda menzahirkan penghargaan kepada rakan media tempatan di atas sokongan padu dan berterusan di dalam membuat liputan mengenai acara dan aktiviti pengakap.

Selain itu, ia juga bertujuan membantu dalam menyebarkan dan mempromosikan gerakan pengakap di negara ini.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Pengakap Persatuan Pengakap Daerah Belait, Ahli-ahli Majlis Pesuruhjaya Pengakap Persatuan Pengakap Daerah Belait dan para Pemimpin Pengakap.